



Kontinen UPM muncul juara keseluruhan SUKIPT 2012.

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]



KEDUDUKAN PINGAT

	E	P	G	Jum
UPM	52	25	22	99
UiTM	39	23	44	106
UniMAP	17	1	5	23
UTM	13	12	10	35
UM	10	14	15	39
USM	9	13	15	37
UKM	7	3	3	13
UPSI	6	9	9	24
UTHM	6	5	0	11
KK Sabah	6	0	1	7
UIAM	4	13	10	27
UPNM	4	4	6	14
Taylor's	4	4	1	9
UUM	4	3	4	11
INTI	3	7	0	10
Poli Ungku Omar	3	6	10	19
UniMAS	3	6	4	13
KK Pahang	3	5	5	13
KK Kedah	3	2	1	6
UniSZA	2	6	8	16
Help	2	6	5	13
Segi	2	5	4	11
KK P Pinang	2	3	5	10
Unitar	2	3	1	6
KK Selangor	2	3	0	5
UniKL	2	0	3	5
USIM	2	0	2	4
Uniter	2	0	2	4
UTP	1	3	2	6
Nilai	1	2	2	5

UPM juara edisi sulung

» **Raih 99 pingat ungguli SUKIPT 2012**

Oleh Mohd Fitrie Muhamad
mfitrie@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Selepas 15 hari gelanggang dibuka, Sukan Institusi pengajian Tinggi (SUKIPT) melabuhkan tirainya pernah gemilang di Dewan Agong Tuanku Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UiTM), Shah Alam, semalam.

Berakhirnya edisi sulung SUKIPT ini, Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat sejarah selaku juara keseluru-

han yang pertama.

Upacara penutup yang disempurnakan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah berlangsung cukup meriah membabitkan lebih 5,000 atlit dan pegawai pasukan dari 101 buah Institut Pengajian Tinggi (IPT).

"SUKIPT ini boleh dianggap berjaya. Purata pungutan pingat keseluruhan menunjukkan persaingan sengit setiap acara dan membuktikan kejohanan ini menjadi medan cukup kompetitif bagi atlit yang sedang menuntut di IPT.

SUKIPT medium jalin hubungan

"Kejohanan ini satu program di bawah Pusat Kecemerla-

han Sukan (PKS) dan Pusat Sukan Tumpuan (PST). Tidak hanya dilihat dalam aspek kecemerlangan sukan tetapi juga menjadi satu medium jaringan ilmu yang luas untuk setiap IPT menjalin hubungan antara IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti," kata Saifuddin pada ucapan perasmian penutup semalam.

Berbekalkan sasaran realistik 40 pingat emas, UPM menamatkan aksi SUKIPT di tempat pertama dengan 52 emas, 25 perak dan 22 gangsa mengatasui UiTM di tempat kedua keseluruhan.

Sementara itu, Ketua kontinen UPM, Hamzah Ismail menghamburkan pujian atas kejayaan UPM mendominasi

SUKIPT edisi sulung. "Warga UPM gembira. Walaupun ketinggalan 15 pingat emas kepada UiTM pada awalnya tetapi berdasarkan pengalaman, kami mampu merapatkan jurang itu terutama menerusi acara olahraga dan karate-do."

Lai Kwan, Bell jagoan SUKIPT

Kuala Lumpur: Dua atlit renang, Chui Lai Kwan dan Ian Leong Bell diangkat sebagai Olahragawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) yang pertama pada Majlis Penutup Rasmi kejohanan di Dewan Agong Tuanku Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UiTM),

Shah Alam, semalam.

Penganugerahan tertinggi sukan di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) itu melayakkkan Lai Kwan dan Leong Bell menerima piala pusingan, piala iringan dan satu tiket penerbangan pergi balik ke Bali, Indonesia tajaan Air Asia.

Lai Kwan, pelajar Universiti

Putra Malaysia (UPM) merekodkan sejarah pungutan pingat emas terbanyak dengan 13 pingat emas, dua perak manakala Leong Bell, penuntut Universiti Sains Malaysia (USM) memenangi tujuh emas.

Rentetan pencapaian cemerlang itu, mereka bakal mewakili negara ke Sukan Universiti ASEAN (AUG) di Laos, bulan depan.

"SUKIPT menjadi satu platform terbaik untuk atlit muda membiasakan diri dengan pertandingan yang lebih baik. Saya harap dengan anugerah ini mampu untuk memberi

lebih dorongan kepada atlit lain.

"Terima kasih kepada semua pihak termasuk UPM dan Kementerian pengajian Tinggi (KPT). Saya langsung tidak tahu mengenainya dan hanya dimaklumkan penganjur semalam (kelmarin)," kata Lai Kwan, penuntut dalam jurusan Teknologi Pemakanan itu semalam.

Mereka dipilih berdasarkan kejayaan konsisten dalam setiap acara disertai, sekali gus mengatasi calon lain dalam senarai pungutan pingat secara individu.

Kannathasan, Faizah ungguli acara 200m

Kuala Lumpur: Selepas dipalit kecewa ekoran pingat emas 4X400 meter Sukan SEA tahun lalu ditarik balik, S Kannathasan bangkit daripada igauan dengan menguasai acara 200 meter lelaki Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) di Stadium Mini Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil semalam.

Pada aksi di sebelah pagi, Kanathasan, penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) menamatkan larian dengan masa 22.00 saat, menewaskan rakan sepasukan, S Kannan yang ketinggalan hanya 0.02s, diikuti Mohd Azhar Mohd Ismail dari Kolej Komuniti Pahang (KKP), yang meraih gangsa (22.21s).

"Cuaca sejuk di sebelah pagi (semalam) sedikit mengganggu rentak larian. Saya mahu terus memenangi pingat emas pada Sukan Universiti ASEAN di Laos bulan depan.


"Walaupun bukan masa terbaik tetapi saya tetap berpuas hati dengan masa dicatatkan. Selepas ini saya mahu menambah koleksi pingat emas di Laos," kata Kannathasan, penuntut jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer.

Dalam kategori 200 meter wanita, berlaku kejutan apabila atlit pelapis kebangsaan, Nurul Faizah Asma Mazlan (**gambar**) dari Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) menewaskan pelari skuad elit negara, Nurul Sarah Abdul Kadir dar Universiti Putra Malaysia (UPM).

Nurul Faizah lebih pantas melintasi garisan penamat dengan masa 26.21s meninggalkan Nurul Sarah dari UPM di tempat kedua (26.65s). "Saya masih terkejut kerana ini kali pertama saya mengalahkan Nurul Sarah," katanya.



PAMERAN SENI



'INSPIRING ARTS'

Karya

OneStudio

5-30 November 2012

10.00 pg - 6.00 ptg

Lobi Utama, Balai Berita

The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

Tel: 03-2282 3131 samb. 6384 (Shima)

UNSTP